

# [CONFLICTS IN THE NARRATIVE OF GEOPOLITICAL RELATIONS BETWEEN HIJAZ, THE OTTOMAN EMPIRE, AND THE BRITISH IN THE 19TH AND 20TH CENTURIES]

## KONFLIK DALAM NARATIF HUBUNGAN GEOPOLITIK ANTARA HIJAZ, KERAJAAN UTHMANIYAH DAN BRITISH PADA ABAD KE-19 DAN 20

Nurul Abrar Md Isa  
nurulabrar@graduate.utm.my  
Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia

Napisah Karimah Ismail  
napisah@ukm.edu.my  
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Eksistensi Hijaz amat sinonim sebagai sebuah wilayah supranasional lantaran wujudnya kota suci umat Islam iaitu Mekah dan Madinah. Kedudukan ini sekaligus mengangkat hierarkinya sebagai tempat yang sakral dalam Islam secara universal. Setelah menguasai Mesir pada tahun 1517, Kerajaan Uthmaniyah secara rasminya berkuasa ke atas Hijaz. Rentetan itu, Hijaz bukan sahaja menjalin hubungan yang erat dengan Kerajaan Uthmaniyah selaku pengelola institusi khilafah, bahkan turut menjadi medan percaturan kuasa Barat terutamanya British yang ditunjangi kepentingan-kepentingan tertentu. Situasi ini mencetuskan hubungan tiga hala antara Hijaz dengan dua kuasa besar tersebut. Oleh itu, makalah ini menganalisis hubungan tiga hala tersebut, iaitu antara Kerajaan Uthmaniyah, British dan Hijaz dengan berwacanakan naratif dan konflik yang berlaku. Kajian kualitatif ini melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian sejarah bagi menuntaskan hasil interpretasi daripada beberapa peristiwa sejarah yang membuktikan eksistensi hubungan tiga hala tersebut. Kajian mendapati bahawa plot hubungan antara Kerajaan Uthmaniyah, Hijaz dan British didasari oleh kepentingan ketiga-tiga pihak menerusi beberapa isu yang berlaku dalam naratif sejarah. Status hubungan antara ketiga-tiga pihak sebagai sekutu dan seteru menunjukkan perubahan yang tidak malar sepanjang abad ke-19 dan 20 khususnya menerusi perbenturan dwi-pemerintahan antara *Vali* dan Amir Mekah, pengurusan hal-ehwal haji, pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz, pembinaan telegraf Istanbul-Mekah, penguatkuasaan Polisi Arab dan kemuncaknya adalah berlakunya Revolusi Arab pada tahun 1916 hingga 1918 yang membawa kesan yang fundamental kepada perpecahan wilayah Arab dan bibit-bibit kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah.

**Kata Kunci:** Hubungan geopolitik; British; Kerajaan Uthmaniyah; Hijaz; Konflik.

### Abstract

*The existence of Hijaz is highly synonymous as a supranational region due to the presence of the Islamic holy cities, Mecca and Medina. This status elevates its hierarchy as a sacred place in Islam universally. After conquering Egypt in 1517, the Ottoman Empire officially assumed control over Hijaz. Consequently, Hijaz not only established close ties with the Ottoman Empire as the administrator of the caliphate institution but also became a focal point for Western power struggles, particularly the British, driven by specific interests. This situation sparked a triangular relationship between Hijaz and these two major powers. Therefore, this paper analyzes the triangular relationship between the Ottoman Empire, the British, and Hijaz by examining narratives and conflicts that unfolded. This qualitative study employs library research and historical analysis to interpret various historical events that substantiate the existence of this triangular relationship. The study finds that the dynamics among the Ottoman Empire, Hijaz, and the British were shaped by the interests of all three parties through a series of historical issues. The relationship status among these parties, oscillating between alliances and rivalries, witnessed fluctuations throughout the 19th and 20th centuries, particularly through dual-governance conflicts between the Vali and Amir of Mecca, the administration of Hajj affairs, the construction of the Hijaz Railway, the establishment of the Istanbul-Mecca telegraph line, the enforcement of Arab Policies,*

and ultimately culminating in the Arab Revolt of 1916–1918. This revolt left a profound impact on the fragmentation of Arab territories and planted the seeds for the Ottoman Empire's downfall.

**Keywords:** Geopolitical relations; British; Ottoman Empire; Hijaz; Conflict.

Article Received:  
3 December 2024

Article Reviewed:  
12 December 2024

Article Published:  
26 December 2024

## PENGENALAN

Cetusan interaksi yang membentuk hubungan geopolitik tiga hala antara Kerajaan Uthmaniyah, British dan Hijaz merupakan natijah daripada naratif sejarah yang mempertemukan dua pihak iaitu Kerajaan Uthmaniyah dan British di Hijaz. Adapun naratif ketibaan Kerajaan Uthmaniyah dan British ke Hijaz adalah melalui dua orientasi yang berbeza. Hubungan yang terjalin antara Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz berkait rapat dengan manifestasi penerusan institusi khilafah, manakala dominasi kuasa British di Hijaz merupakan rentetan daripada misi penjajahan dan perluasan wilayah semasa fasa empayar British Pertama (*The First British Empire*) yang berlangsung pada tahun 1583 sehingga tahun 1783. Empayar British Pertama di bawah pemerintahan Permaisuri Elizabeth I (1558-1603) ini mula menyaksikan perubahan hala tuju Tentera Laut Diraja British daripada ekspedisi maritim yang berorientasikan pengembaraan kepada misi perluasan wilayah khususnya di benua Asia secara intensif (Armitage, 1965). Naratif sejarah pendudukan Kerajaan Uthmaniyah dan British di Hijaz ini mencetuskan dialog peradaban antara ketiga-tiga pihak sehingga membentuk hubungan yang rumit disebabkan oleh rangkaian konflik yang berlaku.

## PENGUASAAN KERAJAAN UTHMANIYAH DI HIJAZ

Naratif hubungan antara wilayah Hijaz dengan Kerajaan Uthmaniyah bermula pada tahun 1517 apabila Kerajaan Uthmaniyah di bawah pimpinan Sultan Selim I berjaya menguasai Mesir pada pasca Perang Mamluk-Uthmaniyah (1516-1517). Kejayaan Kerajaan Uthmaniyah pada tahun 1517 tersebut mengalahkan pemerintah terakhir Kerajaan Mamluk iaitu Tuman Bay (1516-1517). Kekalahan Mesir ini memudahkan akses Kerajaan Uthmaniyah untuk menguasai wilayah-wilayah yang berada di bawah kekuasaan Mesir termasuk Hijaz (Taufik, 1973; Gaury, 1951; Dahlan, 1991). Natijahnya pada tahun yang 1517, wilayah Aleppo, Damsyik, Lubnan, Jerusalem dan Baitulmaqdis yang sebelumnya dikuasai oleh kerajaan Mamluk di Mesir berjaya ditawan oleh tentera Sutan Selim I. Peristiwa tersebut menandakan bibit awal kejayaan Kerajaan Uthmaniyah meluaskan wilayah ke seluruh Semenanjung Arab termasuk Hijaz (Agoston & Masters, 2009; Kia, 2008).

Kejayaan menguasai wilayah Hijaz pada tahun 1517 membuahkan pengiktirafan dalam kalangan umat Islam terhadap Kerajaan Uthmaniyah yang dianggap sebagai pembela Islam kerana secara rasminya menguasai dua kota suci umat Islam iaitu Mekah dan Madinah. Tambahan pula, penguasaan Baitulmaqdis di Jerusalem (Palestin) turut memegahkan lagi pengaruh Kerajaan Uthmaniyah dalam kalangan umat Islam lantaran berjaya menguasai ketiga-tiga kota suci umat Islam. Secara tidak langsung, kedudukan Kerajaan Uthmaniyah semakin dihormati apabila berjaya menguasai Mekah yang menjadi destinasi ibadah haji dan penjaga Kaabah, meskipun penjaga sebenar Mekah ialah Syarif Mekah daripada keluarga Bani Hashim yang dilantik oleh Kerajaan Uthmaniyah (Teitelbaum, 1999).

Sepanjang tempoh kekuasaannya ke atas Hijaz, Kerajaan Uthmaniyah memproklamasikan penghormatan terhadap pemimpin tempatan Hijaz yang digelar sebagai 'Syarif' dengan mengurniakan mandat melalui perkhidmatan tentera khusus serta autonomi terhadap pendapatan wilayah hasil daripada pembiayaan haji dan cukai. Hasil pendapatan tersebut turut diagihkan kepada anggota keluarga para Syarif demi memelihara kebajikan mereka (al-Siba'i, 1984 & Yatim, 1999).

Penglibatan Muhammad Ali Pasya sebagai Gabenor Uthmaniyah di Mesir dari tahun 1805 hingga 1848 menyebabkan Hijaz terjebak dengan konflik yang berlaku antara Mesir dan Kerajaan Uthmaniyah. Ketika itu, Hijaz semata-mata menjadi '*nominal vassal of the Ottomans*' kerana Sultan Uthmaniyah tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap Hijaz (Peters, 1994). Namun, perebutan dua kuasa tersebut ke atas Hijaz hanya berlangsung selama 20 tahun sebelum berakhir pada tahun 1833 lantaran termetrainya Perjanjian Kütahya antara Mesir dan Kerajaan Uthmaniyah. Impak daripada perjanjian tersebut, wilayah Mesir, Syria dan Hijaz perlu dibebaskan daripada naungan empayar Kerajaan Uthmaniyah (al-Siba'i, 1984 & Abir, 1977). Sepanjang fasa pentadbiran Muhammad Ali Pasya di Hijaz, sistem '*Nizam al-Ashraf*' digantikan dengan pelantikan '*Muhafiz*' di Mekah selama lapan tahun sebelum diserahkan kembali kepada kekuasaan Kerajaan Uthmaniyah pada tahun 1840 (al-Siba'i, 1984).

Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah terhadap Hijaz dipecahkan kepada dua fasa. Fasa pertama berlaku pada tahun 1840 hingga 1908, manakala fasa kedua bermula antara 1908 hingga 1916 (al-Siba'i, 1984 & Dahlan, 1991). Pada fasa pertama, Kerajaan Uthmaniyah mula memperkenalkan sistem '*Vali*' iaitu gabenor di seluruh wilayah kekuasaannya termasuk Hijaz (al-Siba'i, 1984 & Lacey, 1986). Meskipun sistem '*Nizam al-Ashraf*' masih dikekalkan, namun Kerajaan Uthmaniyah membataskan bidang kuasa Syarif hanya dalam hal-ehwal yang melibatkan kabilah-kabilah Arab di kawasan pedalaman Hijaz (al-Siba'i, 1984).

Pada tahun 1852, Hijaz juga dibahagikan menjadi tiga daerah (*Mutasarrifiyah*) iaitu Mekah di bawah kelolaan Gabenor Hijaz, kota Madinah di bawah '*Muhafiz al-Madinah*' manakala kota Jeddah pula dikawal oleh 'Qa'imaqam Wali'. Di setiap daerah juga ditempatkan seorang pegawai yang mewakili Syarif Mekah (Darwazah, 1889). Isu-isu yang melibatkan hukuman berat tidak lagi berada di bawah tanggungjawab Syarif Mekah, sebaliknya perlu melalui perundingan secara langsung dengan Sultan Uthmaniyah (al-Siba'i, 1984).

Fasa kedua pengisytiharan perlembagaan (al-Dustur) pada tahun 1908 oleh *Committee of Union and Progress* (CUP) yang memperjuangkan tuntutan pemodenan Kerajaan Uthmaniyah semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid turut mempengaruhi kestabilan politik Hijaz. Pemecatan Syarif Mekah yang menentang tuntutan perlembagaan digantikan dengan pelantikan Syarif Husain serta Kazim Pasya sebagai Gabenor Hijaz (al-Fauzan 1981). Perubahan perlembagaan Kerajaan Uthmaniyah tersebut menjulang semangat penduduk di Hijaz untuk menuntut kebebasan politik daripada ideologi CUP.

Situasi politik yang kritikal di Hijaz berpanjangan sehingga teretusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 sebelum berada di kemuncaknya semasa peristiwa Revolusi Arab pada tahun 1916 yang dilancarkan oleh Syarif Husain di Mekah menentang Kerajaan Uthmaniyah (Antonius, 1938; al-Siba'i, 1984; Said, 1990; Tauber 1993; Qal'aji, 1994; Yeşilyurt, 2006; Rogan, 2016; Sorby, 2006; Ochsenswald, 2015; Hamka, 2016). Hubungan 400 tahun antara Kerajaan Uthmaniyah dengan wilayah Hijaz tergugat apabila teretusnya Revolusi Arab pada tahun 1916 oleh Syarif Husain di Mekah (Antonius, 1938; Said, 1990; Tauber, 1993; Qal'aji, 1994; Yeşilyurt, 2006; Rogan, 2016; Sorby, 2006; Ochsenswald, 2015; Hamka, 2016).

## KETIBAAN KUASA BRITISH DI HIJAZ

Sejarah pembentukan Empayar British tidak dapat dipisahkan dengan ekspedisi maritim yang dijalankan oleh orang-orang Inggeris semasa fasa pemerintahan Raja Henry VII (1485-1509). Meskipun pada awalnya keinginan orang-orang Eropah menjalankan aktiviti maritim hanya berorientasikan penerokaan dan penjelajahan, namun ia merupakan faktor pemangkin kepada kebangkitan intelektual orang-orang Eropah pada zaman kebangkitan semula atau 'Renaissance'.

Orientasi hala tuju Tentera Laut Diraja dan ekspedisi maritim British mengalami perubahan pada fasa Empayar British Pertama (1583-1783) bermula ketika pemerintahan Permaisuri Elizabeth I (1558-1603). Ekspedisi maritim mula dijalankan bagi merealisasikan misi penjajahan dan perluasan wilayah. Pada tahun 1578, Kerajaan England berjaya menguasai Amerika Utara. Pada awal abad ke-17, British menguasai Amerika Utara dan Pulau Caribbean serta menubuhkan Syarikat Hindia Timur Inggeris bagi tujuan perdagangan di Asia dan mengukuhkan kedudukan Empayar British (Armitage, 1965).

Kemasukan awal pengaruh British di Semenanjung Arab berlaku agak lewat selepas British mula menyedari kepentingan jalur perairan Laut Merah pada abad ke-17. Misi utama adalah untuk melindungi laluan perdagangannya ke Yaman. Namun tumpuan British terhadap kedudukan Laut Merah semakin serius lantaran perluasan kuasa Perancis di Mesir oleh Napoleon Bonaparte pada tahun 1798 sehingga tahun 1801. Jalinan hubungan yang kuat antara kuasa Perancis dan pemimpin Arab (Amir) sehingga akhir abad ke-18 semakin membimbangkan British (Marston, 1961). Pada abad ke-18, Britain memiliki kekuasaan maritim dan perdagangan yang utuh, hasil daripada kejayaan dalam peperangan dengan Perancis dan Revolusi Perindustrian (Brett, 1970).

Kejayaan British mengalahkan kuasa Perancis di Mesir pada tahun 1801 meleraikan ancaman terhadap laluan perairan British ke India. Namun kebimbangan tersebut kembali memuncak apabila penguasaan Muhammad Ali Pasya di Mesir dan sepanjang pesisiran pantai Laut Merah kembali mencabar kedudukan British. Hal ini disebabkan oleh pengaruh Perancis yang kuat terhadap Muhammad Ali Pasya. Bagi mendepani cabaran tersebut, Kerajaan British menggubal sistem Konsulat agar sepenuhnya berada di bawah kelolaan Kementerian Luar Negeri Britain (*Foreign Office*) pada tahun 1825 berbanding dahulunya dikawal oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Perubahan dasar ini menandakan pengukuhan kuasa British di Semenanjung Arab (Hogarth, 1922).

Pelantikan James Zohrab sebagai Konsul British di Jeddah pada tahun 1878 mula menyingkap kepentingan wilayah Hijaz terhadap Britain. Lanjutan itu, Zohrab menghantar laporan kepada kedutaan Britain di Istanbul bagi menyuarakan kepentingan kedudukan Hijaz yang bersifat supranasional sebagai pusat pengumpulan orang-orang Islam dari seluruh dunia. Zohrab mengusulkan pelantikan Konsul British di Mekah kerana menjangkakan risiko yang boleh menjejaskan hubungan antara Britain dan jemaah haji yang datang ke Hijaz apabila Mekah dibiarkan tanpa wakil British (Zohrab, 1881). Namun, usul pelantikan Konsul British di Mekah tidak dijalankan lantaran menjangkakan bantahan oleh Syarif Mekah (Burton, 1893).

Kerajaan Uthmaniyah tidak menyedari kepentingan British di Hijaz secara tuntas sehingga pada tahun 1914. Buktinya, Kerajaan Uthmaniyah menyatakan amaran terhadap keinginan dan taktik British untuk menguasai dua kota suci Mekah dan Madinah menerusi akhbar *el-Hedaya*, sebuah akhbar separa rasmi Kerajaan Uthmaniyah di Mekah. Amaran tersebut menyebabkan British cakna dengan kedudukan istimewa Sultan Uthmaniyah di kota suci umat Islam secara universal. British juga mempertimbangkan impak negatif terhadap kestabilan pentadbirannya di wilayah-wilayah jajahan yang didiami oleh umat Islam sekiranya berhasrat mencabar kekuasaan Kerajaan Uthmaniyah di Hijaz (al-Amr, 1978).

### **HUBUNGAN TIGA HALA ANTARA HIJAZ, KERAJAAN UTHMANIYAH DAN BRITISH**

Hubungan tiga hala antara Hijaz, Kerajaan Uthmaniyah dan British dapat dilihat berdasarkan pertimbangan tiga faktor utama yang mempengaruhi bentuk pendekatan Kerajaan Uthmaniyah terhadap hal-ehwal berbangkit di wilayah-wilayah naungannya. Pertama, pengaruh kekuasaan tokoh elit tempatan. Kedua, tahap intervensi kuasa Eropah di wilayah tersebut manakala ketiga ialah sikap penduduk tempatan terhadap undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Uthmaniyah (Rogan, 1999).

Ketiga-tiga faktor tersebut dapat dilihat dalam beberapa konflik dan peristiwa yang melibatkan ketiga-tiga pihak. Antaranya ialah perbenturan dwi-pemerintahan antara Vali dan Amir Mekah, konflik pembinaan telegraf, pengurusan hal-ehwal haji, konflik pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz, penguatkuasaan Polisi Arab oleh British serta kemuncaknya ialah Revolusi Arab pada tahun 1916 hingga tahun 1918.

### **Perbenturan Dwi-Pemerintahan antara Vali dan Amir Mekah**

Transisi geopolitik dalam lipatan sejarah Asia Barat telah mencorakkan perubahan bentuk sistem pemerintahan di Hijaz. Sejak berada di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyah, Hijaz dikelola melalui sistem dwi-pemerintahan yang melibatkan Vali iaitu gabenor Uthmaniyah dan Amir Mekah yang berketurunan Nabi Muhammad SAW selaku pihak autoriti tempatan di Hijaz. Hubungan antara Vali dan Amir Mekah ini seringkali mencetuskan ketegangan yang rumit bergantung kepada pengaruh mereka di Istanbul dan interaksi dengan puak Badwi tempatan (Ochsenwald, 1975). Ironinya, pihak yang menyebelahi kehendak massa akan lebih berkuasa. Namun, perbenturan antara dua autoriti ini lebih kompleks daripada itu kerana ia melibatkan persaingan kuasa, manipulasi politik dan strategi diplomasi yang sukar diduga. Tambahan pula, sukar untuk menentukan autoriti yang dominan lantaran ideologi kerajaan pusat di Istanbul dan penduduk lokal di Hijaz yang acapkali tidak sehaluan. Di tengah-tengah polemik inilah British mengambil kesempatan untuk memperkuat proksi yang akan menyebelahi kepentingannya.

Jawatan Amir Mekah merupakan takhta yang sentiasa menjadi rebutan pelbagai kabilah di Hijaz kerana ia tidak diwariskan secara mutlak, sebaliknya memerlukan pengabsahan rasmi daripada Sultan Uthmaniyah. Kerajaan Uthmaniyah memiliki kuasa untuk melantik atau memecat Amir Mekah demi memastikan individu yang dilantik memiliki pendirian yang selaras dengan kepentingan pemerintahan pusat sekaligus mengukuhkan legitimasi khalifah sebagai pelindung dua kota suci. Pelantikan ini juga merupakan strategi untuk mengimbangi kuasa tempatan di samping memastikan kedaulatan pusat tetap terjaga (Buzpinar, 2005).

Zawi Zayd dan Zawi Awn merupakan dua kabilah utama yang bersaing untuk mendapatkan jawatan Amir Mekah. Sudah tentu, jawatan ini menawarkan kuasa politik, sumber ekonomi dan legitimasi agama kepada pemegangnya. Oleh itu, Kerajaan Uthmaniyah menzahirkan kecenderungannya untuk melantik calon yang lebih mudah dikawal dan mampu mengimbangi kemampanan kuasanya di Hijaz, meskipun tindakan ini kadangkala menimbulkan rasa tidak puas hati bagi proksi yang tewas (Numan, 2005). Hal ini kerana, kestabilan Mekah amat penting untuk mengekalkan imej Kerajaan Uthmaniyah sebagai pemimpin dunia Islam. Sokongan terhadap salah satu pihak sering dipengaruhi oleh keperluan politik dan keagamaan.

Muhammad bin Awn al-Rafiq sebagai anggota kabilah Zawi Awn merupakan tokoh pertama yang menjawat jawatan Amir Mekah selepas pengunduran Mesir dari Hijaz. Sikapnya yang inklusif terhadap penduduk beragama Kristian dan komuniti di bawah wilayah kolonial British yang bermastautin di Jeddah mewujudkan hubungan yang harmoni antara Amir Mekah dan British. Beliau sering dilihat sebagai sekutu Kerajaan Uthmaniyah yang setia dalam melaksanakan dasar-dasar pemerintahan pusat di Mekah. Walau bagaimanapun, kebergantungannya yang tinggi terhadap dasar-dasar reformasi oleh gerakan Tanzimat ketika itu dianggap mengorbankan kepentingan warga tempatan seperti dalam isu pengurusan hasil cukai dan kawalan ke atas laluan haji. Kelemahan Muhammad bin Awn al-Rafiq dalam menyelesaikan konflik ini menggugat kestabilan di Hijaz.

Sebagai pesaing politik, kabilah Zawi Zayd memanfaatkan kekacauan ini untuk menentang Muhammad bin Awn al-Rafiq. Kuasa British mula menawarkan sokongan diplomatik dan material untuk mendapatkan sokongan strategik daripada penduduk tempatan dan kabilah Zawi Zayd. Tawaran ini dilihat mampu melemahkan pengaruh Kerajaan Uthmaniyah di Hijaz. Langkah ini juga bertujuan memastikan kepentingan British di Laut Merah dan jemaah haji dari wilayah kolonial India tidak terancam.

Oleh itu, British giat mengutuskan surat-menyurat rahsia dan menjalankan rundingan dengan individu berkepentingan melalui pegawai British di Jeddah (Buzpinar, 1995). British turut menjalankan kempen propaganda bahawa Muhammad bin Awn sebagai pro-Uthmaniyah dan menonjolkan Zawi Zayd sebagai pilihan alternatif yang lebih bebas dan cenderung untuk mempertahankan kepentingan Hijaz. Kesannya, Kerajaan Uthmaniyah terpaksa melucutkan jawatan Muhammad bin Awn dan menggantikan beliau dengan pemimpin dalam kalangan kabilah Zawi Zaid untuk mengelakkan konflik semakin berlarutan di Hijaz (Numan, 2005).

Di samping Kerajaan Uthmaniyah berusaha mengekalkan hegemoninya melalui pengawasan langsung terhadap Amir Mekah, British begitu licik dalam memanfaatkan ketegangan dalaman untuk memperluas pengaruh mereka di Hijaz. Amir Mekah pula memainkan peranan sebagai perantara dan sering menggunakan konflik ini untuk mendapatkan lebih banyak kuasa autonomi. Persempadanan kuasa yang samar antara Vali dan Amir Mekah juga menyebabkan konflik ini sering berulang. Isu tempatan di Hijaz menjadi tunggangan dalam permainan kuasa besar pada era tersebut. Hubungan antara tiga pihak ini merupakan gabungan kompleks antara persaingan pengaruh dan kepentingan geopolitik. Perbenturan demi meraih wewenang dalam mempertahankan kepentingan proksi ini menunjukkan bahawa kedudukan geopolitik Hijaz amat fundamental dalam mencorakkan dasar imperialisme British dan memperkukuh legitimasi institusi khilafah.

### **Pengurusan Hal-Ehwal Haji di Hijaz**

Ritual keagamaan dalam Islam lazimnya menarik tumpuan kuasa Barat sekaligus mengundang penglibatan mereka secara langsung di Hijaz atas beberapa objektif tertentu seperti keilmuan, etnografi dan ekonomi (Peters, 1994). Tambahan pula, jumlah populasi umat Islam yang dominan, kekuatan demografi umat Islam yang terbentang dari Afrika Barat sehingga Asia Tenggara serta jujuk-jujuk pentadbiran Islam yang melata dilihat oleh kuasa Barat sebagai batu loncatan untuk meluaskan kedudukan geopolitik mereka. Faktor-faktor penarik ini membuka jalan seluasnya bagi Barat untuk merealisasikan bermacam misi dan kepentingan.

Adapun campur tangan kuasa Barat terutamanya British dalam hal-ehwal keagamaan di Hijaz adalah berpaksikan agenda politik untuk mengawal dan mengatur wilayah-wilayah naungan di bawah institusi kolonial (Peters, 1994). Intervensi British dalam pelaksanaan ibadah haji begitu signifikan berbanding amalan-amalan keagamaan yang lain dalam Islam lantaran ia merupakan sebuah ritual tahunan yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam dengan menghimpunkan sejumlah besar populasi manusia. Umat Islam yang berasal dari wilayah-wilayah naungan Eropah khususnya British meninggalkan wilayah asal mereka dari seluruh Afrika dan Asia untuk mengerjakan ibadah haji di Mekah bagi memenuhi Rukun Islam yang kelima.

Pada peringkat awal, Kerajaan Uthmaniyah dilihat kurang cakna terhadap perluasan autonomi British di Hijaz. Namun, undang-undang baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Uthmaniyah terhadap umat Islam di bawah naungan kolonial British seperti India mula menunjukkan bibit persaingan politik dan sosial yang berlaku antara dua pihak. Undang-undang tersebut diimplementasikan terhadap jemaah haji yang datang ke Jeddah tanpa pasport dengan mengenakan denda bayaran sebanyak dua kali ganda. Ia wajib dibayar kepada Kerajaan Uthmaniyah sebelum mendapatkan pasport daripada Konsul British (Peters, 1994).

Intervensi British dalam urusan haji mula berkembang pesat pada tahun 1870, iaitu pasca pembukaan Terusan Suez serta kemunculan gelombang penularan wabak yang memberi kesan kepada pergerakan jemaah haji (Slight, 2015). Teknologi saluran komunikasi bukan sahaja bertujuan untuk meluaskan imperialisme British di Afrika, bahkan turut digunakan sebagai kaedah memperluas pengaruh mereka di wilayah-wilayah naungan Kerajaan Uthmaniyah seperti Hijaz (Low, 2008).

Penglibatan British ini menunjukkan bahawa pelaksanaan haji dilihat sebagai medium pengukuhan gelombang imperialisme British di Hijaz. Misi tersebut tidak lain harus digerakkan oleh sekelompok individu menerusi pelantikan perwakilan rasmi British di Hijaz. Ia bermula dengan penubuhan Ejen British di Jeddah, Suez dan Qusayr pada Oktober 1837. Portfolio Ejen British dinaik taraf menjadi Wakil Konsul (Vice Consul) oleh Kementerian Luar Negeri Britain (Foreign Office) setahun kemudian (Roff, 1982). Setiap tahun, puluhan ribu umat Islam yang berasal dari wilayah-wilayah yang berada di bawah kolonial Eropah menuju ke Hijaz untuk menunaikan ibadah haji. Konsulat British di Jeddah berperanan sebagai pusat kegiatan bagi usaha pengumpulan data secara rasmi berkaitan hal-ehwal haji terutamanya isu tentang pergerakan jemaah haji, wabak kolera pada tahun 1865 dan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 (Slight, 2015).

Pendokumentasian hal-ehwal haji merupakan sistem yang diperkenalkan oleh British bertujuan membina garis panduan yang rasmi terhadap hal-ehwal ibadah haji. Antara data penting yang direkodkan adalah jumlah jemaah yang tiba dan berangkat dari Hijaz (Motadel, 2012). Konsulat British di Jeddah memainkan peranan penting dalam menguruskan pergerakan jemaah haji lantaran kedudukan strategik pelabuhan Jeddah yang terletak berhampiran dengan kota Mekah yang berfungsi sebagai lokasi untuk menempatkan ketibaan dan keberangkatan majoriti jemaah haji (Freitag, 2012). Aspek pengurusan ini membentuk sebuah medium yang penting bagi British dalam melakukan interaksi yang lebih 'akrab' dengan jemaah haji yang berada di bawah kelolaan mereka. Selain berorientasikan pentadbiran, penghantaran pegawai-pegawai kolonial British ini berperanan untuk mengembangkan lagi ideologi eurosentrisme menerusi laporan-laporan bertulis yang dihasilkan oleh mereka (Azmi Arifin, 2024).

Selain itu, pegawai Konsulat British di Jeddah pada tahun 1879 iaitu J. N. E. Zohrab menyuarakan kepentingan wilayah Hijaz sebagai pusat untuk menjalankan diskusi tentang idea, pandangan dan aspirasi umat Islam secara universal (Peters, 1994). Zohrab juga menyatakan cadangannya agar British menubuhkan sebuah protektorat di Hijaz serta menjalin hubungan yang erat dengan Syarif Mekah untuk membolehkan Britain meluaskan pengaruhnya dalam hal-ehwal umat Islam di serata dunia (Low, 2008). Projek tersebut adalah untuk melemahkan kekuasaan Kerajaan Uthmaniyah dan mengukuhkan pengaruh British di tempat yang paling suci bagi umat Islam iaitu Mekah.

British menggunakan peluang dari setiap penjuru untuk melenturkan hegemoni Kerajaan Uthmaniyah walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran. Misalnya, meskipun proklamasi dasar tidak campur tangan oleh Permasuri Victoria pada tahun 1858 menghalang perancangan British dalam urusan haji, namun British mendapatkan mekanisme baru sebagai alternatif iaitu dengan memanfaatkan badan kesihatan awam dan mengguna pakai taktik relatif politik dan agama. Zohrab turut mencadangkan agar perisik (Confidential Agent) di bawah Konsulat British menjalankan tugas dalam mengawal urusan jemaah haji pada tahun 1879 (Low, 2008 & Peters, 1994).

Tidak cukup sekadar itu, Duta Besar British di Istanbul turut mencadangkan agar Kerajaan Raj British di India merekrut ejen rahsia dalam kalangan Muslim untuk menyusup masuk ke Mekah dan Madinah pada tahun 1880. Misalnya, British melantik Doktor Abdur Razzack yang merupakan Pembantu Pakar Bedah di Perkhidmatan Perubatan Bengal sebagai ejen mereka. Portfolio beliau adalah untuk memperkuat hal-ehwal diplomatik dan pengurusan yang berkaitan dengan wabak kolera di Hijaz, kesejahteraan jemaah haji, kesesakan pengangkutan jemaah haji serta jemaah haji yang miskin (Low, 2008). Namun pada tahun 1882, orientasi portfolio yang direncanakan oleh British melalui pelantikan Razzack sebagai ejen rahsia mereka lebih cenderung ke arah arena politik (Roff, 1982 & Peters, 1994).

Walau bagaimanapun, peranan Razzack sebagai ejen rahsia British di Hijaz membawa kepada pembunuhannya yang direncanakan oleh sekumpulan penduduk Arab Badwi pada tahun 1895 (Roff, 1982). Alasannya, mereka mendakwa bahawa penularan wabak kolera di Hijaz adalah berpunca daripada ejen rahsia tersebut yang bertugas dalam urusan kebersihan dan kesihatan. Para penduduk Arab Badwi juga menunjukkan protes terhadap kuasa British dengan menghancurkan mesin pembasmi kuman, menyerang hospital serta memeras ugut pakar perubatan di Jeddah dan Mekah (Ochsenwald, 1984).

Dalam masa yang sama, fokus British semakin cenderung terhadap gerakan radikalisme anti-kolonial dalam jaringan antarabangsa yang melibatkan jemaah haji serta Kerajaan Uthmaniyah. Rentetan kemunculan ideologi pan-Islamisme yang didukung oleh Sultan Kerajaan Uthmaniyah, Sultan Abdul Hamid II (1876-1908), maka konflik tersebut membawa Kerajaan Britain dan Kerajaan Uthmaniyah dalam kancah pertembungan kuasa yang melibatkan isu penguasaan ke atas Hijaz, pentadbiran haji bahkan skop yang lebih besar iaitu hegemoni di perairan Laut Merah, Lautan Hindi serta negara Islam (Dar al-Islam) secara keseluruhan (Roff, 1982).

Orientalis Belanda iaitu Snouck Hurgronje turut berperanan dalam menggerakkan British untuk menundukkan wilayah Islam melalui pengurusan yang sistematik dalam hal-ehwal haji di Hijaz. Lantaran itu, British berusaha sepenuh daya untuk mendominasi sebanyak mungkin fungsi haji daripada kawalan Kerajaan Uthmaniyah. Melalui strategi tersebut, ruang penyebaran anti-penjajahan melalui ritual haji dapat dibendung. Struktur agenda penjajahan dapat dijalankan secara meluas di Mekah sekaligus menjadikan gerakan pan-Islamisme dan hal-ehwal haji dapat diurus dengan baik oleh kuasa British (Low, 2008).

Bagaimanapun, hubungan tiga hala antara British, Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz dalam urusan haji terbantut akibat cetusan Perang Dunia Pertama pada tahun 1914. Lantaran kedudukan Hijaz berada di bawah naungan empayar Kerajaan Uthmaniyah, maka portfolio Konsulat British di Jeddah yang menjalankan dasar-dasar dalam urusan jemaah haji dihentikan.

Dalam masa yang sama, pembinaan Terusan Suez sebagai nadi maritim yang strategik sekaligus menjadikan perairan Laut Merah sebagai medium terpenting bagi mengukuhkan kedudukan dan kepentingan British di Hijaz. Dari dimensi geopolitik Kerajaan Uthmaniyah, Terusan Suez dapat menghubungkan laluan antara ibu kota Istanbul dan Hijaz dalam masa yang singkat. Para jemaah haji yang berasal dari wilayah kolonial British melintasi perairan Laut Merah untuk sampai ke Mekah. Kepentingan geografi Laut Merah sebagai laluan utama jemaah haji ke Hijaz mengundang persaingan antara Kerajaan Uthmaniyah dan British (al-Halwani, 1993 & Laffan, 2003).

Fasa pertengahan abad ke-19 sehingga awal abad ke-20 menyaksikan penyebaran agenda imperialisme Eropah yang dijalankan secara pesat terhadap wilayah-wilayah Islam. Perluasan imperialisme Barat ini memberi kesan terhadap umat Islam khususnya dalam mencorakkan pengurusan dan peraturan dalam hal-ehwal haji di Hijaz. Bagi menjamin kepentingan perdagangan di kawasan barat daya Semenanjung Arab, Laut Merah dan Teluk Aden, peranan British semakin diperkuat dengan perkembangan teknologi kapal wap antara Mediterranean dan India dari tahun 1830 sehingga tahun 1860. Lantaran itu, pertumbuhan teknologi yang pesat melalui jalur maritim ini memberi impak kepada peningkatan jumlah jemaah haji (Low, 2008).

Hal ini kerana, kemunculan teknologi kapal wap pada tahun 1860 menjadikan kos pengangkutan dan tempoh perjalanan ke Mekah bagi jemaah haji dari India menjadi semakin singkat sepanjang musim tengkujuh. Situasi ini membuka peluang kepada golongan kelas sederhana dan miskin untuk mengerjakan haji berbanding hanya dihadkan kepada para pegawai elit, pedagang kaya serta para ulama tersohor pada tahun sebelumnya (Arnold 1993). Walau bagaimanapun, situasi ini sebaliknya mendatangkan risiko yang tinggi semasa gelombang wabak seperti kolera sedang mengganas antara tahun 1860 hingga tahun 1890 kerana jemaah haji dalam kelas sederhana dan miskin dikategorikan sebagai pembawa utama wabak penyakit. Kesannya, penularan wabak mengakibatkan jumlah kematian seramai 15,000 orang di Hijaz (Peters, 1994).



## Pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz (The Hejaz Railway)

Kerajaan Uthmaniyah menjalankan projek pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz antara tahun 1900 hingga tahun 1908 untuk menghubungkan laluan antara Damsyik dan Madinah (Nicholson, 2005). Idea tersebut sebenarnya muncul lebih awal iaitu pada tahun 1864 semasa era pembinaan landasan kereta api hangat diperkatakan di segenap penjuru dunia (Eman, 2005). Pembinaan landasan ini menyediakan saluran komunikasi utama dan pantas yang menghubungkan pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah dengan wilayah-wilayah Arab terutamanya Hijaz. Laluan yang menempatkan 77 buah stesen tersebut berupaya menyingkatkan tempoh perjalanan dari Damsyik ke Madinah yang biasanya memakan masa selama sebulan menjadi hanya tiga hari sahaja (Fahmy et al., 1999).

Di samping memudahkan perjalanan jemaah haji dari seluruh dunia, projek ini sekaligus meningkatkan jaminan keselamatan dan keselesaan mereka (Shqiarat et. al, 2011). Fasiliti ini akan meminimumkan risiko dan cabaran yang perlu dihadapi oleh para jemaah haji untuk sampai ke Mekah seperti keadaan geografi padang pasir, tempoh perjalanan yang panjang, faktor perubahan cuaca yang drastik serta ancaman para kabilah tempatan di sepanjang laluan haji (Faroqhi, 1999).

Namun, di sebalik wacana pembangunan yang serba canggih ini, British menzahirkan protesnya terhadap pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz menerusi platform media massa milik mereka. Persoalan tentang fungsi sebenar pembangunan tersebut ditimbulkan bertubi-tubi oleh British sama ada ia digunakan semata-mata untuk memudahkan aspek pengurusan haji atau hakikatnya diangkat sebagai medium utama perluasan wilayah. British turut melontarkan ura-ura bahawa landasan kereta api Hijaz menjadi laluan utama dari Jerman ke Mesir yang dimuatkan dalam majalah '*British Navy and Army*' pada 14 November 1914 (Anon., 1914).

Selain itu, projek ini dilihat oleh British sebagai alat pengukuh kedudukan Sultan Uthmaniyah dengan menggabungkan legitimasi keagamaan dan teknologi moden. Medium tersebut mencerminkan mandat Diraja dan simbolik pemerintah Islam yang berpegang teguh dengan agama. Infrastruktur ini juga merupakan ekspresi pembangunan lahiriah terhadap agenda reformis dan pemodenan. Beberapa bangunan yang menghubungkan Landasan Kereta Api Hijaz dibina sebagai monumen yang melambangkan hegemoni Kerajaan Uthmaniyah serta meluaskan capaian bandar-bandar kepada perkembangan dunia dengan skala yang lebih besar (Talbot, 2015).

Secara objektif, pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz sebenarnya mengancam kedudukan Terusan Suez melalui tekanan diplomatik antara British dengan kuasa luar. Hal ini kerana, landasan ini berpotensi untuk mengekalkan kawalan politik dan ketenteraan di wilayah Hijaz dan Syria. Oleh yang demikian, British mendesak sekeras-kerasnya agar Kerajaan Uthmaniyah membatalkan usul pembinaan laluan kereta api dari Ma'an ke pelabuhan Laut Merah di Aqabah (Polat, 2022).

Desakan ini menunjukkan pertembungan kepentingan geopolitik antara British dan Kerajaan Uthmaniyah untuk mengawal wilayah-wilayah strategik seperti Aqabah dan Sinai. Justeru itu bagi mengatasi serangan kabilah Arab Badwi dan provokasi British, Kerajaan Uthmaniyah turut melibatkan proksi dalaman dan antarabangsa.

McLamb (2019) mendapati bahawa projek pembinaan ini mengeksploitasi sumber ekonomi semasa dan menggantikan peranan tradisional masyarakat tempatan seperti kabilah Arab Badwi yang sebelum ini menyediakan perkhidmatan ziarah ke Mekah. Landasan ini juga mewujudkan ketidaksetaraan sosial dengan mengubah kegiatan ekonomi konservatif kepada pembangunan bandar-bandar di sepanjang landasan yang lebih mudah diakses oleh masyarakat Turki. Sebaliknya masyarakat Arab tempatan berhadapan dengan kemelut ekonomi akibat peralihan ini.

Oleh itu, British menyokong usaha para pemberontak dalam kalangan kabilah Arab Badwi untuk menghancurkan landasan ini sekaligus menyumbang kepada kemerosotan hegemoni Uthmaniyah di rantau ini. Sokongan British ini kemudiannya menjadi faktor utama yang menyaksikan transisi bentuk serangan sporadik oleh kabilah Arab Badwi kepada pemusnahan strategik (McLamb, 2019). Tidak dapat dinafikan bahawa pojek pembinaan ini melambangkan campur tangan industri moden dan elemen yang agak asing dalam kearifan lokal di Hijaz yang didominasi oleh gaya hidup dan tradisi tersendiri yang kuat (Shqiarat et. al, 2011). Ia mengancam aktiviti tradisional anggota-anggota kabilah Arab dan para pedagang di sepanjang laluan jalur kereta api tersebut. Hal ini kerana rutin yang dijalankan oleh anggota kabilah Arab di sepanjang laluan kereta api merupakan tradisi dan teras aktiviti sosial sekaligus berfungsi sebagai sumber pendapatan mereka sejak zaman-berzaman. Konflik tersebut mengeruhkan hubungan antara pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah dengan kabilah Arab di Hijaz (Shqiarat et al., 2011). Pertembungan antara projek pemodenan dan tradisi lokal ini menatijahkan sebuah konflik dalaman di Hijaz.

Dalam masa yang sama, projek pembinaan ini dilihat memperkukuh hegemoni Kerajaan Uthmaniyah di tengah-tengah kehangatan ideologi pan-Islamisme yang dipelopori oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menentang kuasa imperialisme termasuk British (Ochsenwald, 1980). Pan-islamisme merupakan usaha kolektif untuk memperjuangkan dasar-dasar keagamaan dan politik (religiopolitical movement) serta melindungi wilayah-wilayah Islam daripada ancaman kuasa Barat. Landasan Kereta Api Hijaz merupakan medium yang amat berkesan untuk mewartakan ideologi tersebut secara efektif dan menyemarakkan kebangkitan umat Islam seantero dunia, terutamanya di wilayah-wilayah kolonial British seperti India dan nusantara (Low, 2008).

Projek tersebut umpama benteng yang ampuh untuk menangkis pengaruh negatif daripada autonomi British di Hijaz serta mewujudkan perpaduan antara wilayah-wilayah di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyah. Landasan Kereta Api Hijaz juga berfungsi sebagai medium yang efektif untuk melindungi Hijaz daripada penguasaan tentera laut British yang menjalankan misi perluasan wilayah di Mesir dan Afrika pada tahun 1882 (Muhtar Pasha, 1897). Sekali lagi, konflik yang timbul ini menunjukkan bahawa pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz berfungsi sebagai wahana yang penting bagi memperkuat hegemoni Kerajaan Uthmaniyah di Hijaz dan mempertajam strategi kolonial British demi mempertahankan kedudukan geopolitik kedua-dua pihak.

### **Pembinaan Telegraf Istanbul-Mekah**

Di samping pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz, muncul pula satu keperluan yang mendesak untuk melaksanakan pembinaan talian telegraf yang menghubungkan antara pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah di Istanbul dengan kota Mekah dan Madinah di Hijaz sebagai pusat aktiviti keagamaan umat Islam. Lantaran kuasa Eropah menggugat kedudukan Kerajaan Uthmaniyah, maka saluran komunikasi yang lebih pantas dan sistematik amat diperlukan bagi mengukuhkan hubungan dua hala antara Hijaz dan pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah. Di samping itu, cabaran jarak dan geografi antara Hijaz dengan Istanbul merupakan faktor dalaman yang meluaskan jurang antara dua pihak. Projek talian telegraf ini juga menggambarkan hubung kait perkembangan teknologi yang strategik oleh Kerajaan Uthmaniyah dengan kuasa-kuasa Eropah pada fasa imperialisme (Minawi, 2016).

Pada tahun 1887, Kementerian Telegraf dan Pos di Istanbul menerima tawaran daripada syarikat telegraf terbesar British iaitu '*Eastern Telegraph Company*' (ETC) yang berhasrat menampung dua per tiga daripada kos keseluruhan pembinaan telegraf untuk menghubungkan Hijaz dengan Istanbul. ETC lantas mencadangkan pembinaan laluan kapal selam yang menghubungkan antara Jeddah dengan Suakin iaitu pelabuhan bandar yang terletak di pesisiran pantai timur laut Sudan (*Egyptian Sudan*).

Dari Jeddah, saluran telegraf dipanjangkan ke kawasan pedalaman Mekah dan Madinah sehingga ke arah selatan di Yaman. Pembinaan talian telegraf ini juga dilihat mampu mengukuhkan autonomi British kerana menghubungkan laluan antara Istanbul ke wilayah kekuasaan British di Yaman dan seterusnya memudahkan laluan British ke India (Minawi, 2016).

Kejayaan pembinaan telegraf yang menghubungkan antara pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah dengan Madinah pada tahun 1901 turut melibatkan respon British. W. Richards yang memegang portfolio sebagai pegawai Konsulat British di Damsyik mengungkapkan keterujaannya terhadap kejayaan pembinaan telegraf lantaran pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh Kerajaan Uthmaniyah (Minawi, 2015). Respon tersebut menunjukkan bahawa pembinaan telegraf tersebut mengikat interaksi yang positif antara perwakilan British dengan pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah kerana ia dilihat menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Namun, halangan yang perlu diatasi adalah isu sabotaj terhadap laluan jalur telegraf yang dilakukan oleh penduduk Arab Badwi yang menetap di sepanjang laluan jalur telegraf tersebut. Protes yang dilancarkan oleh penduduk Arab Badwi di sekitar saluran telegraf tersebut berpunca daripada konflik yang berlaku antara pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah dengan autoriti tempatan di Hijaz. Pihak yang pertama melibatkan autoriti Yildiz Palace, the Telegraph Commission dan penyokong-penyokong pusat pentadbiran di Istanbul yang diketuai oleh Izzet Pasha al-'Abid iaitu penasihat peribadi sultan merangkap pengurus projek saluran telegraf dan Landasan Kereta Api Hijaz. Pihak yang pertama ini berusaha menjalin kerjasama yang kukuh dengan penduduk Arab Badwi bagi memastikan kejayaan strategi Kerajaan Uthmaniyah melalui rancangan pembinaan telegraf di sepanjang perbatasan wilayah-wilayah selatan Semenanjung Arab tercapai (Farah, 1997).

Manakala pihak yang kedua dipelopori oleh autoriti setempat di Hijaz iaitu Ahmad Ratib Pasha iaitu Gabenor Uthmaniyah di Hijaz serta Muhammad bin Awn al-Rafiq Pasha selaku Amir Mekah. Mereka berhasrat untuk menggagalkan projek telegraf Hijaz sekaligus menentang rancangan Kerajaan Uthmaniyah untuk menjalin kolaborasi dengan penduduk Arab Badwi di Hijaz. Mereka menghalang saluran telegraf daripada sampai ke ibu kota wilayah dan kubu terkuat mereka iaitu Mekah. Alasannya, sikap penduduk Arab Badwi yang agresif akan mengganggu proses pembinaan telegraf tersebut. Perihal ini dikemukakan oleh Vali dan Amir Mekah sebagai autoriti tempatan di Hijaz melalui laporan kepada pihak berwajib di Istanbul (Ochsenwald, 1984).

Peristiwa yang berlaku ini menunjukkan bahawa wujudnya konflik antara autoriti tempatan di Hijaz dengan pusat pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah sebelum fasa Revolusi Arab. Ketidakuasan hati yang dizahirkan oleh penduduk Arab Badwi menunjukkan bahawa Kerajaan Uthmaniyah berhadapan dengan keinginan autoriti tempatan yang terdiri daripada Vali serta Amir Mekah untuk mengekalkan pengaruh setempat dengan menghalang kemajuan telegraf yang dijalankan oleh Kerajaan Uthmaniyah.

Tuntasnya, projek pembinaan talian telegraf merupakan taktik British untuk merealisasikan agenda 'Perebutan Afrika' atau 'Scramble for Africa'. Dukungan British terhadap agensi telegraf Kerajaan Uthmaniyah adalah langkah untuk meneruskan projek pembinaan laluan yang menghubungkan antara Britain dengan Yaman dan India. Tawaran yang diberikan oleh British tersebut memenuhi tuntutan semasa Kerajaan Uthmaniyah yang merancang untuk menghubungkan Hijaz dengan Istanbul sejak berakhirnya perang antara Rusia dengan Kerajaan Uthmaniyah pada tahun 1877 sehingga 1878 (Winseck & Pike, 2008)

### **Penguatkuasaan Polisi Arab**

Pengisytiharan fatwa tentang kewajipan berjihad oleh '*Shaykh al-Islam*' di Istanbul pada 7 November 1914 untuk bersatu menghadapi British, Perancis dan Rusia selaku musuh Islam semasa Perang Dunia Pertama amat mencabar kedudukan British (Antonius 1938). Justeru, Kementerian Luar Negeri British (*Foreign Office*) mengusulkan penguatkuasaan sebuah polisi yang berupaya membantutkan usaha pemimpin tempatan mendapatkan sokongan kuasa asing yang lain.

Bagi meluaskan serta mengukuhkan pengaruh blok Kuasa Bersekutu (*Allied Powers*) di Semenanjung Arab, British memperkasakan Polisi Arab yang berperanan menyokong orang-orang Arab menentang Kerajaan Uthmaniyah (Abdol Rauh, 1995). Sekiranya British gagal menjalankan sokongan terhadap orang Arab untuk melangsungkan konfrontasi dengan Kerajaan Uthmaniyah, maka British terdedah dengan ancaman suntikan baru gelombang jihad yang dicetuskan oleh Kerajaan Uthmaniyah. Oleh itu, penglibatan British dalam konflik di Semenanjung Arab sepanjang empat tahun fasa Perang Dunia Pertama adalah untuk memerangi ancaman jihad (Rogan, 2016).

Seruan jihad tersebut menggugat kedudukan British berikutan beberapa faktor. Pertama disebabkan oleh populasi Muslim yang besar dalam angkatan tentera British di India. Kedua, populasi rakyat Mesir yang majoritinya adalah beragama Islam mampu menggugat kestabilan pentadbiran British di Kaherah. Di samping itu, terdapat juga golongan elit dalam hierarki sosial penduduk di Semenanjung Arab yang berbangsa Turki turut menyatakan sokongan terhadap seruan jihad yang diisytiharkan oleh Kerajaan Uthmaniyah. Kegawatan suasana yang berlaku dari segenap penjuru di Semenanjung Arab menyebabkan British mengalihkan orientasi mereka ke sana (Fadhlullah, 2000; Sorby, 2006). Justeru itu Britain mengambil sikap penuh waspada dan teliti dalam setiap tindak-tanduk mereka di Semenanjung Arab daripada segala bentuk kemungkinan yang dapat menjejaskan kelancaran agenda Polisi Arab ini.

Bahkan, Kerajaan India yang berada di bawah kuasa British diarahkan untuk mengeluarkan sebuah deklarasi bagi menanggapi kenyataan 'Shaykh al-Islam' Kerajaan Uthmaniyah bahawa kedudukan Perang Dunia Pertama yang sedang berlangsung tidak berkait rapat dengan tuntutan seruan jihad dalam Islam (Rogan, 2016). British memperkasakan doktrin terhadap masyarakat Arab bahawa perang tersebut tidak mempunyai hubung kait dengan isu keagamaan. British kononnya berjanji untuk melindungi Tanah Suci umat Islam yang terletak di Hijaz daripada ancaman musuh (Antonius, 1938; Rogan, 2015). Jaminan ini cuba menempatkan kedudukan British selangkah sebagai sekutu orang Arab, manakala Kerajaan Uthmaniyah dipotretkan sebagai seteru bagi mereka.

Beberapa orang pemimpin tempatan Arab khususnya di kawasan barat daya Semenanjung Arab menunjukkan respon yang positif terhadap Polisi Arab. Misalnya, pemimpin Arab di pesisiran pantai Tihamah yang terletak di wilayah Asir iaitu Muhammad Sayyid al-Idrisi menyatakan persetujuannya terhadap perwakilan British supaya orang-orang Arab bersatu menentang Kerajaan Uthmaniyah. Beliau juga menzahirkan penghargaan terhadap British kerana membekalkan senjata dan membuka pelabuhan bagi tujuan perdagangan. Hasil pemeteraian perjanjian British dan Sayyid al-Idrisi pada 28 April 1915 menuntut beliau menjalankan operasi mengusir tentera Kerajaan Uthmaniyah di Yaman (Abdol Rauh, 1995).

Walau bagaimanapun, Polisi Arab ternyata mula berbaur kegagalan. Britain memperkasakan polisi ini dengan berorientasikan matlamat jangka pendek iaitu untuk memperoleh kerjasama dan reaksi positif orang-orang Arab demi menjayakan konfrontasi secara besar-besaran dengan Kerajaan Uthmaniyah. Isu kerjasama dan persefahaman antara pemimpin-pemimpin Arab tidak diberi perhatian secara giat kerana perjanjian tersebut dilakukan secara terpisah. Polisi Arab yang berkuatkuasa melalui saluran bantuan berbentuk kelengkapan senjata, kewangan dan jaminan kebebasan wilayah Arab tidak mampu mencapai piawaian yang digariskan oleh British. Hal ini kerana, British tidak berupaya menjalankan operasi ketenteraan di Semenanjung Arab lantaran terdapat kepentingan yang lebih besar dan strategik di medan yang lain (Abdol Rauh, 1995).

Impaknya, orang-orang Arab tidak mampu menghadapi tentera Kerajaan Uthmaniyah apatah lagi mengusir mereka dari kawasan barat daya Semenanjung Arab hanya dengan membekalkan bantuan dan jaminan British. Oleh itu, British mula mengalihkan tumpuan terhadap aspek ketenteraan sebagai alternatif dalam menghadapi ancaman kemaraan tentera Kerajaan Uthmaniyah di Lahej, Aden dan Yaman. Orientasi Polisi Arab yang hanya berteraskan sokongan dan jaminan mula berubah serta-merta kepada kancah ketenteraan yang lebih intensif.

Meskipun kelangsungan Polisi Arab khususnya di kawasan barat daya Semenanjung Arab agak terbantut, namun kemunculan Syarif Husain sebagai tokoh yang berpengaruh di Hijaz membangkitkan semula cita-cita British dalam usaha melumpuhkan kekuatan tentera Kerajaan Uthmaniyah di Semenanjung Arab (Abdol Rauh, 1995). Kedudukan eksklusif Syarif Husain di Mekah dan Madinah yang berdiri kukuh dalam pandangan sarwa umat Islam secara universal dilihat mampu menguntungkan British. Bertitik tolak dari itu, Polisi Arab berfungsi sebagai pemangkin kepada penerusan hubungan susulan antara Syarif Husain dengan pegawai-pegawai British seperti Kitchener dan McMahon sehingga akhirnya membentuk aspirasi yang mencetuskan Revolusi Arab.

## REVOLUSI ARAB (1916-1918)

Revolusi Arab atau istilah dalam bahasa Arab iaitu '*al-Thawrah al-'Arabiyah al-Kubra'* dicetuskan oleh keluarga Bani Hashim di bawah pimpinan Syarif Husain serta anak-anaknya iaitu Ali, Faisal dan Abdullah. Revolusi ini menuntut kemerdekaan wilayah-wilayah Arab daripada kekuasaan Kerajaan Uthmaniyah. Pada tanggal 10 Jun 1916, Syarif Husain mengisytiharkan Revolusi Arab yang bermula di Mekah. Beliau meneruskan gagasan revolusinya melalui Transjordan (*Syaraq al-Urdun*) dan berakhir di Syria. Revolusi Arab juga menjadi salah satu faktor kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah dan pada masa yang sama membuka ruang bagi British meluaskan imperialisme mereka. Justeru, Revolusi Arab yang tercatat dalam sejarah Semenanjung Arab tersebut menampilkan British sebagai ejen utama yang membantu masyarakat di Hijaz dan sekitarnya dalam menentang Kerajaan Uthmaniyah (Antonius, 1938; Fadhlullah, 2000; Hamka, 2016; Murphy, 2008; Rogan, 2016; Sorby, 2006). British menjalankan peranannya secara berperingkat bermula pada fasa pra-revolusi. Pada fasa ini, British menguatkuasakan Polisi Arab, menubuhkan sebuah biro khusus di bawah bidang kuasa Jabatan Perisikan British yang berpusat di Kaherah serta menjalinkan hubungan diplomasi dengan Syarif Husain sebagai tokoh yang berautoriti dan paling berpengaruh di Hijaz. Usaha tersebut merupakan pangkal taktik yang menjadi pembuka inisiatif dan jalan bagi melancarkan revolusi (Abdol Rauh, 1995; Antonius, 1938; Johnson, 1982; Mohs, 2008; Murphy, 2008; Sheffy, 2002).

Aspek ketenteraan mendominasi gerak kerja British semasa revolusi kerana berjaya menembusi tiga jalur iaitu darat, maritim dan udara. Melalui jalur darat, pelaksanaan siri serangan terhadap Landasan Kereta Api Hijaz (The Hejaz Railway) adalah untuk menyekat kemaraan tentera Kerajaan Uthmaniyah dan bekalan senjata dari Istanbul serta melumpuhkan kekuatan mereka (Antonius, 1938; Murphy, 2008). Seterusnya, Kapal Rondaan Laut Merah British (*Red Sea Patrol*) serta Armada Laut dan Udara British di Laut Merah berperanan menguasai pelabuhan-pelabuhan penting di Hijaz seperti Jeddah dan Rabigh menuju ke arah utara. Pelabuhan-pelabuhan tersebut amat penting bagi menjayakan misi menguasai Syria dan Palestin yang akan melumpuhkan kekuatan Kerajaan Uthmaniyah (Gilbert, 2009; Layman, 1999).

Selain itu, taktik perang gerila yang diperkasakan oleh pegawai British iaitu T.E. Lawrence amat berkesan untuk menggabungkan tradisi perang kabilah Arab dan teknik peperangan moden yang diperkenalkan oleh British (Mohs, 2008; Schneider, 2011). British turut memobilisasi anggota kabilah Arab yang terbahagi kepada dua pasukan iaitu pasukan tentera tetap (*Regular Arab Army*) dan pasukan tentera tidak tetap (*Irregular Arab Force*). Dengan itu, revolusi ini dilihat seolah-olah hanya ditunjangi oleh orang Arab. British tidak berkonfrontasi secara langsung dengan Kerajaan Uthmaniyah dalam melemahkan polisi jihad. Sebaliknya, British berperanan dalam menyalurkan sokongan teknikal seperti kelengkapan senjata angkatan laut, pesawat udara, kereta perisai dan bahan letupan dalam menghadapi tentera Kerajaan Uthmaniyah. British meninggalkan peperangan sebenar kepada tentera-tentera Islam yang terdiri daripada orang-orang Arab dan orang-orang Turki (Rogan, 2016).

Revolusi Arab merupakan kemuncak kepada episod-episod kegawatan hubungan antara British, Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz dalam rangkaian konflik yang pernah berlaku dalam naratif sejarah. Hal ini kerana, Revolusi Arab memberi impak yang fundamental terhadap keruntuhan Kerajaan Uthmaniyah, perpecahan wilayah-wilayah Arab serta menjadi pemangkin kepada pembentukan negara bangsa yang kekal eksistensinya sehingga kini.

## KESIMPULAN

Ketibaan Kerajaan Uthmaniyah dan British di Hijaz mengharungi dua orientasi yang berbeza. Hubungan antara Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz terjalin lebih awal iaitu pada tahun 1517 berbanding British yang baru menyedari kepentingan perairan Laut Merah pada abad ke-17. Naratif sejarah ini mempertembungkan tiga proksi di Hijaz. Isu perbenturan dwi-pemerintahan dan pengurusan hal-ehwal haji amat dominan dalam mencorakkan rentak autonomi British di Hijaz yang turut menjebak intervensi Kerajaan Uthmaniyah selaku penjaga dua kota suci. Kedua-dua isu ini merupakan perintis kepada hubungan susulan yang lebih rumit antara British, Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz. Walau bagaimanapun, projek pembinaan telegraf Istanbul-Mekah merekodkan kerjasama yang langka antara Kerajaan Uthmaniyah dan British meskipun mengundang protes penduduk Hijaz. Manakala projek pembinaan Landasan Kereta Api Hijaz, penguatkuasaan Polisi Arab serta peristiwa Revolusi Arab mengundang konfrontasi yang genting antara ketiga-tiga pihak. Namun, peristiwa Revolusi Arab ditandai sebagai kemuncak kepada plot hubungan antara British, Kerajaan Uthmaniyah dan Hijaz kerana mencetuskan impak yang fundamental terhadap bibit-bibit keruntuhan Kerajaan Uthmaniyah serta perpecahan wilayah-wilayah Arab. Tuntasnya, plot hubungan tiga penjuru antara Kerajaan Uthmaniyah, kuasa British dan autoriti tempatan di Hijaz adalah berorientasikan kepentingan untuk mempertahankan kedudukan geopolitik masing-masing yang bersifat kompleks dan rencam.

## RUJUKAN

- Agoston, G., Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File Inc.
- Al-Amr, Saleh Muhammad. (1978). *The Hijaz under Ottoman Rule, 1869-1914: Ottoman Vali, the Syarif of Mecca, and the Growth of British Influence*. Riyadh: Riyadh University Publications.
- Anon. (1914). For pilgrimage or invasion? Is the 'Holy' railway to Mecca the German highroad to Egypt? *Navy and Army* (14 November 1914), 74–77.
- Abir, M. (1971). The 'Arab Rebellion' of Amir Ghalib of Mecca (1788–1813). *Middle Eastern Studies*, 7(2), 185–200.
- Ahmed Muhtar Paşa's memo on the Hijaz Railway, BOA, Y. EE, 118/10 (3 C1315/30 Oct. 1897).
- Antonius, G. (1938). *The Arab Awakening: The Story of the Arab National Movement*. London: Hamish Hamilton Publisher.
- Arnold, D. (1993). *Colonizing The Body: State Medicine and Epidemic Disease in Nineteenth-Century India*. Berkeley: University of California Press.
- Azmi Arifin. (2024). Tamadun Eropah: Sejarah, Dominasi dan Falasi Eurosentrik. *Jurnal Kajian Ketamadunan (JAWHAR)*, 20, 52-59.
- Bulmush, B. (2012). *Plague, Quarantines and Geopolitics in the Ottoman Empire*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Burton, R. (1893). *Personal Narrative of a Pilgrimage to Al-Medinah and Meccah*. London: Tylston and Edwards.
- Buzpinar, Ş. T. (1995). The Hijaz, Abdulhamid II and Amir Hussein's secret dealings with the British, 1877–80. *Middle Eastern Studies*, 31(1), 99–123.

- Buzpinar, Ş. T. (2005). Vying for Power and Influence in the Hijaz: Ottoman Rule, The Last Emirate of Abdulmuttalib and the British (1880–1882). *The Muslim World*, 95.
- Daghir, As'ad. (1959). *Mudzakkirati 'Ala Hamish Al-Qadiyyah al-Arabiyyah*. Kaherah: Dar Al-Kaherah li al-Tiba'ah.
- Dahlan, Ahmad bin Zaini. (1991). *Al-Durar al-Sariyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah*. Kaherah: Dar Jawami' al-Kalim.
- Darwazah, Muhammad Izzat. (1889). *Nash'ah al-Harakah al-Arabiyyah al-Hadithah: Ibtida'uha wa Mazahiruha wa Sairuha fi Zaman al-Daulah al-Uthmaniyah ila Awa'il al-Harbal-'Alamiyyah al-Ula*. Beirut: Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Eman, Assi. (2005). The dynamic of linear settings: Hijaz Railroad. 15th ICOMOS General Assembly and International Symposium: Monuments and sites in their setting - conserving cultural heritage in changing townscapes and landscapes.
- Fahmy, A., Kafescioğlu, Ç., Thys-Şenocak, L. (1999). Between mystical and military: the architecture of the Hijaz Railway (1900–1918). Proceedings of the Eleventh International Congress of Turkish Art, Utrecht, The Netherlands, August 23–2. *Electronic Journal of Oriental Studies*, University of Utrecht.
- Farah, C. E. (1997). Arab Supporters of Sultan Abdulhamid II: Izzet al-Abid. *Archivum Ottomanicum*, 15, 189-219.
- Faroqhi, Suraiya. (1999). *Approaching Ottoman History: An Introduction to the Source*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Al-Fauzan, Ibrahim Fauzan. (1981). *Iqlim al-Hijaz wa 'Awamil al-Nahdah al-Hadithah*. Riyadh: Matabi' al-Farazdaq al-Tijariyyah.
- Freitag, U. (2012). Helpless Representatives of the Great Powers? Western Consuls in Jeddah, 1830s to 1914. *Journal of Imperial and Commonwealth History*, 40(3), 57–381.
- Gaury, G. D. (1951). *Rulers of Mecca*. London: George G. Harrap & Co.
- Gilbert, G. P. (2009). HMS Suva, Captain W.H.D. Boyle and the Red Sea Patrol 1916-918: The Strategic Effects of an Auxiliary Cruiser upon the Arab Revolt. *International Journal of Naval History*, 8(1), 1-16.
- Al-Halwani, Sa'ad Budair. (1993). *Al-'Alaqa baina Misr wa al-Hijaz wa Najd*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Hamka (2016). *Sejarah Umat Islam*. Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad.
- Hogarth, D. G. (1922). *Arabia*. Oxford: Oxford University Press.
- Johnson, M. O. (1982). The Arab Bureau and the Arab Revolt: Yanbu' to Aqaba. *Military Affairs*, 46(4), 194-201.
- Kia, Mehrdad. (2008). *The Ottoman Empire*. Connecticut: Greenwood Press.
- Laffan, M. F. (2003). *Islamic nationhood and colonial Indonesia: The Umma below the winds*. New York: Routledge Curzon.
- Long, David. (1979). *The Hajj Today: A Survey of the Contemporary Pilgrimage to Makkah*. Albany: State University of New York Press.
- Low, M. C. (2008). Empire and the Hajj: Pilgrims, Plagues, and Pan-Islam under British Surveillance, 1865-1908. *International Journal of Middle East Studies*, 40(2), 269-290.
- Marston, S. (1961). *Britain's Imperial Role in the Red Sea Area from 1800-1878*. United States: Shoe String Press.
- McLamb, T. A. (2019). To Conquer or Die: The Economic and Cultural Impact of the Hijaz Railway. *Crimson Historical Review*. University of Alabama Department of History; College of Arts & Sciences. Vol II No. I.
- Minawi, M. (2015). Beyond Rhetoric: Reassessing Bedouin-Ottoman Relations along the Route of the Hijaz Telegraph Line at the End of the Nineteenth Century. *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 58, 75-104.
- Minawi, M. (2016). *The Ottoman Scramble For Africa: Empire and Diplomacy in The Sahara and The Hijaz*. Stanford: Stanford University Press.

- Minawi, M. (2016). Telegraphs and Territoriality in Ottoman Africa and Arabia during the Age of High Imperialism. *Journal of Balkan and Near Eastern Studies*, 18(6), 567–587.
- Mohs, P. A. (2008). *Military Intelligence and the Arab Revolt: The First Modern Intelligence War*. New York: Routledge.
- Motadel, D. (2012). Islam and the European Empires. *Historical Journal*, 55(3), 831–856.
- Murphy, D. (2008). *The Arab Revolt 1916-1918, Lawrence Sets Arabia Ablaze*. London: Osprey Publishing.
- Nicholson, J. (2005). *The Hejaz Railway*. London: Stacey International.
- Numan, Nurtaç. (2005). The Emirs of Mecca and the Ottoman Government of Hijaz, 1840–1908. Master Thesis. Boğaziçi University.
- Ochsenwald, W. L. (1975). Ottoman Subsidies to the Hijaz, 1877–1886. *International Journal of Middle East Studies*, 6(3), 300–307.
- Ochsenwald, W. L. (1980). *The Hijaz Railroad*. Charlottesville: University Press of Virginia.
- Ochsenwald, W. L. (1984). *Religion, Society and The State in Arabia: The Hijaz Under Ottoman Control, 1840-1908*. Columbus: Ohio State University Press.
- Ochsenwald, W. L. (2015). Ottoman Arabia and the Holy Hijaz, 1516-1918. *Journal of Global Initiatives*, 10(1) 3, 23-34.
- Peters, F. (1994). *The Hajj: The Muslim Pilgrimage to Mecca and the Holly Places*. Princeton: Princeton University Press.
- Polat, Erdoğan. (2022). II. Abdülhamid Dönemi'nde Yasaklı (Memnu) Destanlarla Verilen MücadeleThe Struggle Against The Forbidden (Memnu) Epics In The Reign Of Abdul hamid II. *Bozok Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*. 22.
- Qal'aji, Qadri. (1994). *Al-Thawrah Al-Arabiyyah Al-Kubra 1916-1925*. Beirut: Syarikah Al-Matbu'at li Tauzi' wa An-Nasyr.
- Roff, W. (1982). Sanitation and Security: The Imperial Powers and the Nineteenth Century Hajj. *Arabian Studies*, 4, 143–161.
- Rogan, E. L. (1999). *Frontiers of the State in the Late Ottoman Empire: Transjordan, 1850-1921*. New York: Columbia University Press.
- Said, Amin. (1990). *Al-Thawrah Al-Arabiyyah Al-Kubra: Tarikh Mufasssal Jami' lil Qadhiyyah Al-Arabiyyah fi Rabi' Qarn*. Juz 1. Kaherah: Maktabah Madbuli.
- Schneider, J. J. (2011). *Guerrilla leader: T.E. Lawrence and the Arab Revolt*. New York: Bantam Books.
- Shqiarat, Mansour., Al-Salameen, Zeyad., Faulkner, Neil., Saunders, Nicholas J. (2011). Fire and Water: Tradition and Modernity in the Archaeology of Steam Locomotion in a Desert War. *Council of British Research in the Levant*, 43(1), 98-113.
- Al-Siba'i, Ahmad. (1984). *Tarikh Makkah: Dirasat fi al-Siyasah wa al-'Ilm wa al- Ijtima' wa al-'Umran*. Saudi Arabia: Wizarah al-Maarif al-Maktabah al-Madrasiiyyah.
- Slight, J. (2015). *The British Empire and the Hajj, 1865– 1956*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sorby, K. R. (2006). The Arab National Movement in World War I. *Institute of Oriental Studies, Slovak Academy of Sciences : Asian and African Studies*, 1, 40-54.
- Talbot, M. (2015). The Exalted Column, the Hejaz Railway and imperial legitimation in late Ottoman Haifa. *Urban History*, 1(2), 246-272.
- Tauber, E., (1993). *The Emergence of the Arab Movements*. London: Frank Cass.
- Taufik, Farouk M. (1973). History of Al-Hijaz (1520-1632). Dissertations and Theses. Portland State University.
- Teitelbaum, J. (1999). Syarif Husain bin Ali and the Hashemite Vision of the Post Ottoman Order: From Chieftaincy to Suzerainty. *Middle Eastern Studies*, 34(1), 103-122.
- Winseck, D.R., & Pike, R.M. (2008). Communication and empire, Media Market, Power and Globalization, 1860-1910. *Global Media and Communication*, 4(1), 7-36.



- Worboys, M. (2000). *Spreading Germs: Disease Theories and Medical Practice in Britain, 1865-1900*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yatim, Badri. (1999). *Sejarah Sosial Keagamaan Tanah Suci; Hijaz (Mekah dan Madinah) 1800-1925*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Yeşilyurt, Nuri. (2006). Turning Point Of Turkish-Arab Relations: A Case Study On The Hijaz Revolt. *The Turkish Yearbook*, 37, 97-121.